



28 DEC, 2022

NanoMalaysia rintis projek pengecas EV guna konsep RENEW

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

NanoMalaysia rintis projek pengecas EV guna konsep RENEW

NanoMalaysia Bhd (NMB) akan memperkasakan ekosistem kenderaan elektrik (EV) negara dengan merintis projek pengecas EV menggunakan konsep RENEW (Tenaga Nanogrid Boleh Diperbaharui).

Ketua Pegawai Eksekutif NMB, Dr Rezal Khairi Ahmad, berkata projek rintis itu dimulakan di stesen PETRONAS Temasya yang terletak di Lebuhraya Persekutuan.

Beliau berkata, konsep RENEW dikuasakan teknologi tenaga yang bersih dan boleh diperbaharui menggunakan panel solar dipertingkatkan nano.

Katanya, pembangunan teknologi itu dilaksanakan Nano Commerce Sdn Bhd (NCSB), anak syarikat milik penuh dan cabang perniagaan NMB dengan kerjasama peserta sektor EV tempatan.

Beliau berkata, RENEW secara kolektif terdiri daripada pengecas EV 50kW yang dicas pantas, panel PV solar dipertingkatkan nano dan bateri litium-ion.

"PV solar dipertingkatkan melalui salutan nano yang menambah sifat hidrofobik yang membolehkan kecekapan yang lebih tinggi semasa cuaca buruk.

"Dengan RENEW yang turut dikuasakan oleh tenaga suria dengan keupayaan penyimpanan tenaga, pergantungan sistem pada kuasa grid dikurangkan sehingga 20 peratus yang secara berkesan akan membantu penyahkarbonan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

NMB adalah agensi peneraju penyetempatan pembangunan teknologi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Rezal Khairi berkata, projek rintis selama 18 bulan itu adalah sebahagian daripada inisiatif 'Enabling Mobility Electrification for Green Economy' (EMERGE) NanoMalaysia.

Beliau berkata, EMERGE menumpukan kepada pembangunan teknologi EV untuk menyokong mobiliti rendah karbon melalui peningkatan dan penggunaan sistem storan dan pengurusan tenaga, 'Internet of Nano-Things' dan stesen pengecas hijau luar grid serta membina prototaip EV sebagai platform pengesahan untuk penggunaan industri akhirnya.

Inisiatif itu juga, katanya menyokong sasaran Malaysia untuk mengurangkan intensiti karbon berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKNK) sebanyak 45 peratus menjelang 2030 dan mencapai neutraliti karbon awal 2050.



28 DEC, 2022

NanoMalaysia rintis projek pengecas EV guna konsep RENEW

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

NanoMalaysia Bhd (NMB) akan memperkasakan ekosistem kenderaan elektrik (EV) negara dengan merintis projek pengecas EV menggunakan konsep RENEW (Tenaga Nanogrid Boleh Diperbaharui). Ketua Pegawai Eksekutif NMB, Dr Rezal Khairi Ahmad, berkata projek rintis itu dimulakan di stesen PETRONAS Temasya yang terletak di Lebuhraya Persekutuan. Beliau berkata, konsep RENEW dikuasakan teknologi tenaga yang bersih dan boleh diperbaharui menggunakan panel solar dipertingkatkan nano.